

## **PENTABIRAN WILAYAH JAJAHAN KESULTANAN BRUNEI DI BORNEO UTARA PADA ABAD KE-16 HINGGA 19**

*The Administration of the Brunei Sultanate's in North Borneo in the 16th to 19th centuries*

**DG. JUNAIDAH AWANG JAMBOL<sup>1</sup>**

**ZULAYTI ZAKARIA<sup>2</sup>**

**ANG KEAN HUA<sup>3</sup>**

**LINDAH ROZIANI JAMRU<sup>4</sup>**

**ZAINUDDIN BACO<sup>5</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>[dgjunaidah@ums.edu.my](mailto:dgjunaidah@ums.edu.my),

<sup>2</sup>[zulaytizakaria@ums.edu.my](mailto:zulaytizakaria@ums.edu.my),

<sup>3</sup>[angkeanhua@ums.edu.my](mailto:angkeanhua@ums.edu.my),

<sup>4</sup>[lindahroziani@ums.edu.my](mailto:lindahroziani@ums.edu.my),

<sup>5</sup>[zainuddin@ums.edu.my](mailto:zainuddin@ums.edu.my)

*Dihantar: 24 Julai 2022 / Diterima: 23 Oktober 2022 / Terbit: 21 Disember 2022*

**DOI:** <https://doi.org/10.51200/jba.v7i1.4138>

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang pentadbiran wilayah jajahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara pada abad ke-16 hingga abad ke-19. Kajian ini akan menganalisis tentang latar belakang awal pemerintahan Kesultanan Brunei dan perluasan pengaruhnya di Kepulauan Borneo. Makalah ini juga akan memberikan tumpuan khusus kepada struktur pentadbiran kerajaan pusat di Brunei dan bagaimana struktur pentadbiran tersebut telah berjaya mengukuhkan pengaruh serta kekuasaan di wilayah jajahannya di Borneo Utara. Oleh itu, matlamat penulisan makalah ini bukan sahaja untuk menjelaskan tentang sistem pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara tetapi juga akan membincangkan tentang hubungan tradisi Brunei dengan Borneo Utara yang telah lama wujud sebelum kedatangan kuasa Barat yang akhirnya membawa kepada kemerosotan kepada keseluruhan empayar Kesultanan Brunei pada akhir abad ke-19.

**Kata kunci:** Borneo Utara, Brunei, hubungan tradisi.

### **Abstract**

*This paper discusses the administration of the Brunei Sultanate in North Borneo in the 16th to 19th centuries. This study will analyze the early background of the reign of the Sultanate of Brunei and the expansion of its influence in the Borneo Islands. This paper will also focus specifically on the administrative structure of the central government in Brunei and how the administrative structure has*

*managed to strengthen its influence and power in its colonies in North Borneo. Therefore, the aim of writing this paper is not only to explain the system of government of the Sultanate of Brunei in North Borneo but also to discuss the traditional relationship of Brunei with North Borneo that existed long before the arrival of the Western powers which eventually led to the decline of the entire Brunei Sultanate empire at the end of the 19th century.*

**Keywords:** North Borneo, Brunei, traditional relations.

## Pengenalan

Kerajaan Brunei merupakan empayar yang mempunyai penguasaan yang luas di Borneo dan paling lama dari segi kewujudannya berbanding dengan kerajaan-kerajaan lain di Borneo. Tema yang lazim dikaitkan dengan hegemoni Kesultanan Brunei ialah bagaimana sebuah negara Brunei sebegitu kecil mampu menakluk pulau-pulau berhampiran dengan Borneo, Sambas, Kotaringin, Pontianak, Coti, Pasir, Baran, Tuli-tuli, Banjar, Bolongan, Sulu, Balabac, Banggi, Balambangan, Mantanani dan barat laut Palawan (Sabihah Osman et al., 2002:6). Walau bagaimanapun, fenomena ini tidak dianggap pelik kerana kebanyakan empayar yang tersohor bermula dari kawasan kecil contohnya Rom, Turki Uthmaniah, Sriwijaya, Majapahit dan Melaka yang turut memiliki jajahan takluk yang sangat luas di rantau Asia dan Eropah (Jane Burbank & Frederick Cooper, 2010: 17-18; Dg. Junaidah, 2018: 106). Dalam konteks ini, keunikan sejarah pemerintahan Kesultanan Brunei ini dapat dilihat melalui pengekalan sistem monarkinya lebih daripada sepuluh abad yang lalu dengan genealogi dinasti yang tidak pernah terputus.

Kemunculan Kerajaan Brunei sebagai kuasa yang kuat di Asia Tenggara bermula apabila Kerajaan Brunei berjaya membangunkan dan memantapkan kekuatan ketenteraan dan pertahanan Brunei daripada serangan negara-negara luar sehingga Kerajaan Brunei telah berjaya menakluk keseluruhan Pulau Borneo (John S. Carroll, 1982:1-2; Mohd. Jamil Al-Sufri, 2002:35). Pada ketika itu, Brunei disifatkan sebagai sebuah kerajaan yang sangat besar, kuat, kaya dan menjadi pusat penyebaran agama Islam di Kepulauan Borneo sehingga ke Filipina. Situasi ini wujud dalam era pemerintahan Sultan Bolkiah (TM 1485-1524), iaitu sultan kelima yang terkenal dengan panggilan Nakhoda Ragam. Baginda juga telah menyusun dan mengemas kinikan pemerintahan Brunei secara terperinci dengan mewujudkan serta memperkenalkan pelbagai jawatan baharu bagi melicinkan lagi pentadbiran Brunei. Baginda juga turut berjaya menguasai sebahagian besar Kepulauan Borneo termasuklah selatan Filipina dan Kepulauan Luzon (Graham Saunders, 1994: 46-47).

Zaman kegembilangan Kesultanan Brunei diteruskan oleh anakandanya, Sultan Abdul Kahar yang turut sama berjaya menguasai beberapa wilayah di Borneo Utara seperti Pulau Balambangan dan Pulau Banggi. Zaman kegembilangan ini berlanjutan selama beberapa dekad sehingga kedatangan pengembara-pengembara Barat seperti Lu Devico de Vartemen dari Portugis dan Antonio Pigafetta dari Itali yang menulis pelbagai karya berkaitan empayar Brunei sebagai bukti yang paling signifikan untuk menggambarkan bahawa Kesultanan Brunei telah berjaya menguasai keseluruhan Kepulauan Borneo pada abad ke-16 (Sabihah Osman, 2001:5; Mohd. Jamil Al-Sufri, 2002:35; Bilcher Bala, 2005:124; Dg. Junaidah, 2018:107).

Biarpun penghijrahan keluar dari istana itu hanya berlaku dalam lingkungan wilayah Kesultanan Brunei tetapi mereka telah memilih untuk tinggal jauh dari kerajaan pusat berikutan timbul perselisihan faham dan tidak puas hati terhadap tumpuk pemerintahan Kesultanan Brunei. Hal ini secara tidak langsung telah membuka lebih banyak ruang dan peluang bagi golongan bangsawan ini untuk membina semula kekuasaan mereka di wilayah baharu dan akhirnya melantik diri mereka menjadi ketua bebas di wilayah yang dikuasai oleh Kesultanan Brunei (Nor Azlina & Baszley Bee Basrah Bee, 2011: 65-66). Pada akhir pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin II, faktor campur tangan British North Borneo Chartered Company (BNBC) dalam kemelut dalaman istana Brunei menyebabkan Kesultanan Brunei banyak kehilangan hak kedaulatannya di Borneo. Sikap BNBC yang cuba manafikan hak kedaulatan Kesultanan Brunei di Borneo menyebabkan Brunei kehilangan wilayah-wilayahnya sehingga terpaksa menandatangani perjanjian perlindungan yang akhirnya merugikan Brunei (Mohd Jamil Al-Sufri, 2005:151).

### **Struktur Pentadbiran Kerajaan Pusat**

Dalam pentadbiran Kesultanan Brunei, sultan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem politik dan struktur pentadbiran Brunei. Sewaktu pemerintahan Sultan Muhyiddin, baginda sangat dihormati bukan sahaja dalam kalangan para pembesar istana, malah penduduk di ibu kota. Sepanjang pentadbiran Sultan Muhyiddin, baginda telah menubuhkan majlis mesyuarat di kerajaan pusat bagi mengendalikan pentadbiran Kerajaan Brunei. Kuasa terpenting bagi Sultan dalam pemerintahannya adalah melantik pembesar-pembesar negara. Peranan golongan pembesar ini sangat penting untuk membantu Sultan menggerakkan jentera pentadbiran negara (Amin Sweeney, 1968:16-17; Robert Nicholl, 1990:30). Kemunculan para pembesar ini pada dasarnya serentak dengan kewujudan sistem beraja Brunei. Perkara ini terbukti apabila rombongan utusan Brunei datang ke hadapan Maharaja China dan baginda telah memberikan hadiah kepada ahli rombongan mengikut pangkat masing-masing. Hal ini

menunjukkan bahawa sejak abad ke-15, iaitu zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah telah wujud sistem susunan pangkat terhadap pembesar daripada peringkat rendah ke peringkat tertinggi (Wu Zong Yu, 2010:259-260; Asbol, 2011:9-10).

Dalam struktur pentadbiran Kesultanan Brunei abad ke-19, Sultan menduduki tempat teratas dalam hierarki pentadbiran Kesultanan Brunei. Sultan berperanan sebagai ketua negara yang menjadi lambang keagungan Islam. Baginda turut dibantu oleh Wazir atau pembesar yang terdiri daripada Pengiran Bendahara, Pengiran Digadong, Pengiran Pemanca dan Pengiran Temenggung. Para wazir ini akan dibantu oleh golongan Ceteria, Menteri, Menteri Empat, Menteri Raja dan Menteri Pengalasan. Dalam pada itu, sepanjang tempoh pemerintahan Kesultanan Brunei daripada abad ke-15 sehingga abad ke-19, Kerajaan Brunei telah mengalami beberapa fasa perubahan yang menggambarkan perbezaan bilangan para Wazir, Menteri dan Ceteria dalam struktur politik pentadbirannya. Perkara ini boleh dilihat daripada aspek penggunaan gelaran yang berbeza dan perubahan skop jawatan serta bidang tugas yang lebih luas berbanding sebelumnya. Perubahan ini semakin terserlah pada abad ke-19 apabila Sultan Brunei telah mengurangkan bilangan Ceteria dan Menteri bagi memastikan pengawalan yang lebih berkesan terhadap tugas-tugas para pembesarnya (Amin Sweeney, 1968:54-55).

Sistem pentadbiran Kesultanan Brunei ini sebenarnya mulai berkembang selepas kejatuhan Kerajaan Melaka pada abad ke-16 yang memperlihatkan Brunei bukan sahaja muncul sebagai sebuah Kesultanan yang agung, malah dikatakan kerajaannya hampir menyerupai sistem pentadbiran di kerajaan-kerajaan Melayu. Fakta ini dapat dibuktikan apabila pemerintahan Brunei seakan-akan sama seperti pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka tetapi lebih mirip kepada pentadbiran yang terdapat di Aceh. Walau bagaimanapun menurut Brown, sistem pentadbiran tradisional Brunei lebih menyerupai sistem pemerintahan Johor berdasarkan kepada hubungan yang terjalin melalui perkahwinan Awang Alak Betatar dengan puteri Johor yang beragama Islam. Hal yang sama juga turut dinyatakan oleh Amin Sweeney yang menyatakan bahawa pengislaman Awang Alak Betatar melalui perkahwinannya dengan puteri Johor telah menyebabkan terbentuknya kerajaan tradisional Brunei (Brown C.C, 1970:222; Abd Karim, 2014:35).

Selain itu, dalam *Hukum Kanun Brunei* juga turut disebutkan tentang keperluannya sultan untuk melantik Bendahara, Temenggung, Bendahari dan Syahbandar supaya mereka dapat berhubung terus dengan rakyat. Hal ini demikian kerana Sultan tidak boleh selalu berjumpa dengan rakyat kerana mitosnya supaya dapat memelihara kehebatan dan kedaulatannya (Asri,

2003:35). Meskipun terdapat pelbagai sumber yang menjelaskan tentang kewujudan wazir di Brunei, tetapi kebanyakan sumber tersebut hanya setakat catatan gelaran mereka sahaja dan tidak pula dinyatakan tentang golongan Wazir, Ceteria dan Menteri sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas pada abad ke-19. Secara dasarnya, penggunaan istilah Wazir, Ceteria dan Menteri ini paling awal dicatatkan pada zaman pemerintahan Sultan Jalilul Akbar apabila baginda berpesan kepada anakandanya, iaitu Sultan Jalilul Jabbar supaya sentiasa bermesyuarat dengan Wazir, Ceteria dan Menteri serta sekalian sanak saudara ketika menjalankan pemerintahan negara (Mohd. Jamil Al-Sufri, 2001:155-156).

Wazir merupakan pembesar-pembesar utama Brunei yang mempunyai peranan penting dalam membantu sultan mengemudi jentera pentadbiran kerajaan pusat. Golongan pembesar yang dimaksudkan ialah Pengiran Bendahara, Pengiran Temenggung, Pengiran Pemanca, Pengiran Digadong dan Pengiran Syahbandar. Antara klasifikasi tugas pembesar Brunei ialah Pengiran Bendahara ditugaskan menjadi orang kanan sultan dan ketua kepada seluruh pembesar di Brunei. Pada ketika itu, Pengiran Bendahara juga turut dipertanggungjawabkan untuk menjadi hakim dan pelaksana undang-undang dalam institusi perundungan di Brunei. Di samping itu, Pengiran Bendahara juga dilantik menjadi ketua tentera dalam pentadbiran Brunei bagi memudahkan jalinan hubungan diplomatik dengan negara luar. Kebanyakan tugas Pengiran Bendahara ini akan dibantu oleh Patih dan Panglima yang terdiri dalam kalangan menteri-menteri. Pengiran Digadong pula bertanggungjawab dalam menjaga perbendaharaan sultan, mengawasi semua pekerja istana dan menyimpan hasil kutipan cukai dari wilayah-wilayah jajahan. Tugas ini akan turut dibantu oleh tiga Orang Kaya Digadong yang berperanan sebagai wakil utama sultan dalam mengendalikan perdagangan, jurukira, bendahari, peruntukan diraja serta mengawasi peralatan senjata milik Sultan. Walau bagaimanapun, tugas-tugas mereka ini tetap tertakluk kepada arahan Pengiran Digadong (Asbol, 2011:13-14).

Selain itu, Pengiran Temenggung bertanggungjawab dalam bidang undang-undang dan mempunyai kuasa untuk menjatuhkan sebarang bentuk hukuman kepada penjenayah yang berada di ibu kota atau wilayah jajahan. Beliau juga merupakan ketua angkatan tentera bergandingan bersama dengan Pengiran Bendahara. Tugas utama Pengiran Temenggung adalah memastikan keselamatan wilayah jajahan daripada aktiviti pelanunan dan ancaman musuh dengan bantuan Orang Laut yang terdiri daripada orang Bajau. Sewaktu pemerintahan Sultan Alauddin pada TM 1730 sehingga 1737, tanggungjawab Pengiran Temenggung telah ditambah untuk menjaga hal-ehwal yang berkaitan dengan agama dengan meletakkan Menteri-menteri agama seperti Datuk Imam Siraja Khatib dan Udana Khatib di bawah kuasa Pengiran Temenggung.

Jawatan Pengiran Syahbandar pula dipertanggungjawabkan untuk mentadbir hal ehwal perdagangan di samping menjaga kebajikan anak-anak yatim dan orang-orang teraniaya. Perincian tentang tugas Pengiran Syahbandar ini hanya dicatatkan dalam laporan Sepanyol yang menyatakan bahawa tugas Pengiran Syahbandar ialah sebagai Ketua Hal ehwal Laut, hakim kepada orang asing, mengawasi bahan mentah serta sukatan dan timbangan. Jawatan Pengiran Syahbandar ini telah dikenakan sehingga abad ke-17 sebagai individu yang terlibat dalam sektor perdagangan khususnya dalam pemeriksaan kapal dagangan, pengutip cukai dan penentu harga barang dagangan. Walau bagaimanapun, jawatan ini telah digantikan dengan jawatan Pengiran Pemanca pada abad ke-18 dan 19. Pengiran Pemanca pula merupakan wazir yang tidak begitu menonjol pada abad ke-16 dan 17. Namun begitu, Pengiran Pemanca berperanan sebagai pengurus majlis mesyuarat diraja dan pembesar-pembesar Brunei (Asbol, 2011:13-14).

Tugas dan tanggungjawab pembesar-pembesar ini telah berjaya diklasifikasikan dengan jelas sewaktu pemerintahan Sultan Muhyiddin kerana pada zaman tersebut baginda banyak menjalankan hubungan persahabatan dan perdagangan dengan kerajaan-kerajaan luar. Oleh yang demikian, laporan tentang struktur pentadbiran Brunei banyak dituliskan oleh sumber-sumber Barat yang begitu tertarik dengan perkembangan pemerintahan yang diterajui oleh Sultan Muhyiddin. Selain itu, golongan Ceteria juga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam struktur pentadbiran Kesultanan Brunei. Golongan ini akan dibantu oleh golongan Menteri yang terdiri daripada Orang Kaya Digadong, Patih dan Panglima. Pemilihan Menteri ini agak unik kerana pemilihannya sangat ketat dan perlu memenuhi syarat-syarat tertentu. Sekitar abad ke-17 dan ke-18, seseorang yang ingin dilantik menjadi menteri perlu lahir dalam keturunan yang berbangsa, bijaksana, berani dalam tugas-tugas yang diamanahkan, taat dan setia kepada Sultan Brunei (Asbol, 2011; 20; P.M Yusof 1975:45). Berdasarkan laporan Sepanyol pada abad ke-16, terdapat Menteri-Menteri yang bertanggungjawab dalam bidang agama Islam. Mereka ini dipanggil Khatib yang bertugas dalam pengurusan hal ehwal masjid. Pada abad ke-17 sehinggalah abad ke-18, terdapat seramai tujuh orang Menteri Agama yang bertugas bukan sahaja untuk mengawasi masjid di ibu kota tetapi juga mengawasi acara hari kebesaran Islam. Di samping itu, golongan ini turut diberikan tanggungjawab melaksanakan perjalanan undang-undang bagi menjaga keamanan dan ketenteraman awam. Pada dua abad terakhir ini juga menyaksikan banyak penambahan jawatan Menteri telah diperkenalkan dengan gelaran tertentu dan kebanyakannya mereka ini dilantik dalam kalangan rakyat biasa (Spenser St. John, 1974:245).

Dalam sistem politik dan pentadbiran Kesultanan Brunei juga undang-undang telah diwujudkan sebagai alat untuk mengukuhkan kuasa sultan dan mengawal tindak-tanduk rakyat. Undang-undang ini turut dijadikan sebagai garis panduan untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Perlu diketahui juga bahawa kewujudan undang-undang di Brunei adalah daripada adat, kebiasaan masyarakat, suruhan dan larangan daripada pemerintah yang memegang tumpuk pemerintahan. Apabila pengaruh Islam bertapak di Brunei, muncul undang-undang yang berteraskan hukum syarak. Lantaran itu, wujud tiga bentuk undang-undang di Brunei iaitu undang-undang bertulis (*Hukum Kanun Brunei*), adat resam dan syarak. Dalam *Hukum Kanun Brunei* tidak dicatatkan nama pengarang dan tidak mempunyai tarikh. Ekoran daripada kelemahan ini wujud pelbagai kontroversi dalam kalangan pengkaji terutamanya tentang perkara berkaitan dengan ciri-ciri hukum kanun Brunei yang dilihat mempunyai persamaan dengan *Hukum Kanun Melaka*. Memandangkan hukum kanun Melaka lebih awal ditulis oleh kebanyakan pengkaji, maka dikatakan bahawa penggubalan *Hukum Kanun Brunei* telah disalin dari *Hukum Kanun Melaka*.

Terdapat juga pendapat yang menyatakan *Hukum Kanun Brunei* wujud pada zaman pemerintahan Sultan Saiful Rijal rentetan daripada penggunaan gelaran pembesar Brunei. Namun, tidak kurang juga terdapatnya pendapat yang mengatakan bahawa *Hukum Kanun Brunei* telah wujud semasa zaman pemerintahan Sultan Hassan ekoran daripada tindakan baginda menyalin *Hukum Kanun Pahang* yang sebenarnya juga disalin daripada *Hukum Kanun Melaka*. Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak diterima kerana wujud perbezaan *Hukum Kanun Brunei* dengan *Hukum Kanun Pahang*. Oleh itu, persamaan *Hukum Kanun Brunei* dengan *Hukum Kanun Melaka* lebih banyak persamaan dan telah diguna pakai pada abad ke-18 sehinggalah abad ke-19. Walaupun tarikh pelaksanaannya sukar ditentukan, kewujudannya dalam pentadbiran politik Brunei sudah mencukupi untuk membuktikan bahawa terdapat sistem perundangan yang teratur dalam pemerintahan Kesultanan Brunei (Asri, 1980:20-21; Mattasim, 1980:45).

Selain daripada pelaksanaan undang-undang, Kesultanan Brunei juga turut menjalinkan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa bagi mengukuhkan kekuasaannya. Hubungan paling awal direkodkan adalah penghantaran utusan Kerajaan Brunei ke China pada TM 977. Hubungan di antara Brunei dengan China telah lama wujud berdasarkan kepada rekod China dan kesan sejarah penggunaan mata wang China Dinasti Tang, Dinasti Sung, Dinasti Yuan dan Dinasti Ming yang ditemui di Kota Batu. Penemuan ini secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi dakwaan wujudnya jalinan hubungan persahabatan dan perdagangan di antara kedua-dua negara (D.S Ranjit Singh, 1991:16-17).

Berdasarkan sumber-sumber China dari TM 977 sehingga TM 1530, Kerajaan Brunei telah menghantar utusan ke China sebanyak sepuluh kali. Dalam mengeratkan perhubungan dan ikatan persahabatan, Sultan Brunei sendiri telah berkunjung ke negara China sebanyak dua kali. Lawatan pertama dibuat oleh Sultan Brunei bernama Ma-Na-Je-Ka-Na pada TM 1408. Walau bagaimanapun, semasa lawatan rasmi ini dilakukan baginda telah mangkat di China. Lantas, maharaja China telah melantik putera baginda bernama Hsia Wang untuk menjadi Raja Brunei yang baharu. Kemudian pada TM 1412, Hsia Wang bersama rombongannya telah membuat kunjungan kali kedua ke China. Kerajaan China juga telah menghantar rombongannya ke Brunei sebanyak tiga kali. Brunei menjalinkan hubungan dengan China kerana China merupakan kuasa besar yang berpengaruh dan disegani oleh negara-negara di Asia Tenggara. Hubungan yang erat ini membolehkan Brunei telah mendapat perlindungan daripada ancaman kuasa-kuasa asing (Wu Zong Yu, 2010:73-74).

Selain negara China, Brunei juga turut menjalinkan hubungan diplomatik dengan negeri Pahang serta negara Barat lain seperti Portugis dan Sepanyol. Berdasarkan sumber Portugis, terdapat seorang wakil Brunei di Pahang bernama Khoja Zainal. Wakil ini telah membunuh Sultan Pahang kerana baginda telah berkelakuan sumbang dengan isterinya. Akibatnya, berlaku rusuhan di Bandar Pahang dan menimbulkan konflik di antara kedua-dua buah negara tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua buah negara ini cuba untuk memperbaiki semula hubungan menerusi jalinan perkahwinan di antara Sultan Abdul Ghafur dari Pahang dengan adinda Sultan Hassan. Hubungan ini semakin erat apabila Brunei membantu Pahang ketika diserang oleh Johor (Robert Nicholl, 1990:29-30).

Brunei juga menjalinkan hubungan diplomatik dengan Portugis dari aspek persahabatan dan perdagangan. Portugis mempunyai dasar luar untuk berbaik-baik dengan negara Brunei kerana menganggap Brunei satu kuasa yang kuat dan tidak mendatangkan keuntungan jika bermusuhan. Hubungan perdagangan di antara Brunei dan Portugis di Melaka bermula pada TM 1514 apabila pedagang Brunei membawa mutiara, kapur barus, lilin lebah, kulit penyu dan emas. Pada ketika itu, Portugis menjual barang-barang seperti kain dan pakaian kepada orang tempatan. Bagi mengeratkan hubungan di antara kedua-dua belah pihak, perjanjian persahabatan telah ditandatangani pada TM 1526. Namun begitu, Portugis tidak berminat dengan isu-isu politik. Hal ini terbukti apabila Brunei meminta bantuan untuk memerangi Sepanyol, Portugis menolak dengan alasan Portugis dengan Sepanyol adalah bersaudara. Hubungan Portugis terus berjalan lancar sehingga Melaka jatuh ke tangan Belanda (Mohd Jamil Al-Sufri, 1994:19-20).

Selepas kejatuhan Melaka, Portugis tetap meneruskan hubungan perdagangannya dengan Brunei di Macau. Hubungan diplomatik Brunei dengan Sepanyol hanya terbina selepas tercetusnya Perang Kastila di antara Brunei dan Sepanyol. Hubungan ini terbina apabila Kapten General Don Francisco Tello mengutus surat kepada Brunei untuk mengadakan hubungan diplomatik. Cadangan ini telah disambut baik oleh Sultan Brunei melalui maklum balas terhadap surat Tello pada TM 1599. Pada TM 1609, dilaporkan beberapa buah kapal dagang Brunei telah berlabuh di Manila. Sultan Muhyiddin telah menghantar utusan ke Manila untuk mengadakan hubungan perdagangan, persahabatan dan seterusnya menyelesaikan konflik tentang kedudukan Pulau Palawan. Permasalahan Pulau Palawan ini akhirnya diselesaikan dengan penyerahan Pulau Palawan kepada Sepanyol (Mohd Jamil Al-Sufri, 1994:19-20).

### **Pentadbiran Kesultanan Brunei di Borneo Utara**

Pada abad ke-16, Brunei telah berjaya membangunkan kekuatan tenteranya sehingga mampu melaksanakan dasar penaklukan ke atas keseluruhan Pulau Borneo. Apabila wilayah yang dikuasai oleh Kesultanan Brunei semakin meluas, Brunei perlu mewujudkan pentadbiran jajahan dengan melantik wakil kerajaan. Wakil-wakil kerajaan inilah yang telah dihantar ke tanah jajahan Kesultanan Brunei untuk melaksanakan pentadbiran (Amin Sweeney, 1968:27; Spenser St. John, 1974:246). Sistem pemerintahan ini kemudiannya telah diperkuatkan lagi semasa pemerintahan Sultan Muhyiddin apabila baginda mula menghantar golongan Pengiran istana untuk menjadi wakil Sultan ke tanah jajahan kerajaan. Golongan Pengiran ini bukan sahaja bertindak sebagai pegawai pentadbir tetapi juga perlu menjalankan kutipan cukai ke atas penduduk.

Secara dasarnya, bagi melicinkan pentadbiran Kesultanan Brunei di wilayah jajahannya, baginda telah meletakkan batas-batas kekuasaan politiknya melalui hulu dan sungai-sungai. Kuala sungai atau pangkalan merupakan tempat persinggahan yang penting bagi sesebuah negeri atau wilayah kerana boleh diiktiraf sebagai pintu masuk bagi sesebuah negeri. Oleh itu, kebanyakan pembahagian hak tradisional ditentukan oleh ulu dan kuala sungai bagi menentukan sempadan wilayah atau daerah (Sabihah Osman et al., 2002:27; D.E Brown, 1970:80) Istilah sungai-sungai ini sebenarnya merujuk kepada wilayah, daerah dan kawasan bukannya merujuk kepada sungai biasa seperti mana yang telah menjadi kefahaman ramai pihak. Menurut istilah pentadbiran Sungai yang dilaksanakan di Brunei, Sungai dirujuk sebagai sempadan geografi fizikal, iaitu tali air semula jadi yang mempunyai hulu dan kuala. Hal ini dapat dilihat apabila undang-undang pemilikan wilayah Kesultanan Brunei sebelum abad ke-20 tidak hanya terhad terhadap kawasan sungai, malah merangkumi tanjung, pulau, daratan dan bukit. Sesebuah kawasan yang dimiliki juga

tidak semestinya dippunyai oleh seorang pemilik, ada kalanya dippunyai lebih daripada seorang. Hal ini berlaku kerana ada sesetengah kawasan mempunyai persempadan yang sangat dekat di antara satu sama lain dan hanya terpisah disebabkan oleh sebatang sungai contohnya seperti kawasan di Padas Besar dan Padas Damit.

Pengistilahan sungai ini juga telah digunakan untuk membentuk tiga corak pentadbiran iaitu Kerajaan, Kuripan dan Tulin atau Pesaka. Tanah yang dikategorikan sebagai tanah kerajaan ialah tanah yang akan menjadi hak sultan sepanjang pentadbirannya termasuklah hal ehwal yang berkaitan dengan pengutipan cukai selagi mana baginda masih berada di atas tumpuk pemerintahan negara. Seandainya dalam tempoh pemerintahan tersebut baginda mangkat atau dilucutkan jawatan maka hak memungut cukai akan diserahkan kepada sultan yang baharu (Nicholas Tarling, 1971:4; W.H Treacher, 1891; 37). Hasil utama sultan dalam hak tanah kerajaan ini ialah cukai tanah jajahan, cukai kepala dan cukai khas perdagangan. Pemilikan tanah jenis kuripan pula ialah pemilikan harta berdasarkan kepada jawatan dan bukannya warisan yang dikuasai oleh wazir atau pegawai-pegawai perkhidmatan awam. Kuasa pemilikan tersebut hanya boleh diberikan ketika mereka masih hidup dan masih memegang jawatan dalam kerajaan. Namun begitu, sekiranya pegawai tersebut meninggal dunia, maka hak milik wilayah berkenaan perlu diserahkan kepada pegawai baharu (Amin Sweeny, 1968:25-27). Bagi tanah jenis tulin atau pesaka pula merupakan tanah yang hanya boleh diwarisi oleh golongan Pengiran atau Sultan secara persendirian. Sekiranya pemilik kawasan tulin meninggal dunia, maka hak pemilikan tersebut akan diserahkan kepada keturunannya dan proses ini dikenali sebagai Pesaka. Bagi wilayah milikan tulin, sultan tidak boleh mengambil sebarang bentuk pendapatan dari kawasan tersebut. Sultan juga tidak boleh mengurniakan tanah dalam kategori ini kepada sesiapa pun tanpa merujuk kepada pemiliknya. Hal ini demikian kerana pemilikan bagi kategori ini akan diuruskan oleh pemiliknya secara persendirian namun, pelaksanaannya masih lagi tertakluk kepada undang-undang Kesultanan Brunei (Sabihah Osman et al., 2002:27; Siti Aidah Hj. Lokin, 2007:24; D.S Ranjit Singh, 2003:67).

Kewujudan sistem pembahagian tanah ini secara rasionalnya adalah untuk memastikan kaum kerabat baginda turut memiliki sebahagian harta yang dimiliki oleh sultan bagi mengelakkan berlakunya persengketaan berlaku. Pembahagian tanah kepada kerabatnya juga akan dapat meningkatkan pendapatan mereka menerusi hasil cukai yang diperoleh dari wilayah jajahan yang telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada mereka (Amin Sweeney, 1968:55). Menariknya dalam pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara ini, kebanyakan wilayahnya adalah jenis tanah tulin dan dimiliki oleh sultan, para wazir dan kaum kerabat baginda (F.G Whelan, 1970:188). Keadaan ini telah

menyukarkan Sultan Brunei untuk menyerahkan mana-mana wilayah kepada kuasa lain tanpa kebenaran pemiliknya. Kesulitan Sultan untuk menguasai wilayah tulin inilah menyebabkan wujud penentangan para pembesar Brunei apabila *British North Borneo Company* (BNBC) mengambil alih Borneo Utara daripada Kesultanan Brunei.

Selain itu, sebahagian besar pentadbir wilayah jajahan Brunei ini juga bergantung kepada pendapatan daripada pemilikan tanah masing-masing sebagai asas kekuasaan politik dan hasil utama pendapatan mereka. Sebagai contoh, baginda telah melantik kerabatnya menjadi wakil sultan untuk berpangkalan di hulu dan kuala sungai utama seperti Sungai Padas, Membakut, Kimanis, Papar, Pengalat, Putatan, Inanam, Menggatal, Tuaran dan Mengkabong. Uniknya pembahagian ini ialah terdapat ketua-ketua peribumi lain dan golongan datu-datu Suluk dilantik menjadi wakil sultan di wilayah jajahan baginda. Penguasaan pembesar terhadap sesebuah wilayah juga bukanlah terletak pada tanah yang dimilikinya tetapi kawalan terhadap penduduknya. Keadaan ini berlaku kerana penduduk merupakan sumber pendapatan kepada pemiliknya. Oleh itu, sekiranya penduduk berpindah ke kawasan lain, pembesar yang menguasai wilayah di tempat asalnya akan menghantar wakil untuk mengutip cukai daripadanya (Nicholas Tarling, 1971:3-5).

Di samping itu, kebanyakan wakil yang mentadbir di wilayah naungan sultan ini juga bebas untuk melakukan pentadbiran di wilayah milikan sultan. Hal ini demikian kerana dari segi bidang kuasa, setiap wakil yang diamanahkan oleh Sultan Brunei mempunyai kuasa yang sama tetapi bidang kuasa mereka terhad berbanding dengan sultan. Bidang kuasa ini bukan sahaja dalam soal cukai tetapi juga dalam aspek hukuman ke atas kesalahan anak buah mereka seperti hukum bunuh, jenayah dan sebagainya (Sabihah Osman, 1985:27). Walau bagaimanapun, wakil sultan masih perlu untuk meminta kebenaran terlebih dahulu daripada sultan sebelum menghukum anak buah mereka terutamanya mengenai perkara yang berkaitan dengan kes bunuh atau seumpamanya (D.E Brown, 1970:87). Berdasarkan kepada kenyataan tersebut, jelaslah bahawa dalam bidang kuasa antara pembesar dengan sultan, kuasa sultan masih mengatasi kuasa pembesar. Bertitik tolak dari konsep inilah, sekiranya berlaku ketidak serasian di antara pembesar dengan sultan, maka sultan berhak menggunakan kuasa autoritinya untuk menolak atau membatalkan sesuatu keputusan kerana baginda berkuasa terhadap keseluruhan wilayahnya. Perkara ini juga turut diperincikan oleh D.E Brown yang menyatakan bahawa kuasa pembesar di setiap jajahan adalah hampir sama. Hal ini dapat dilihat melalui autoriti seseorang pembesar yang memiliki tanah jajahan Kuripan dan Tulin dengan tanah jajahan kerajaan yang dimiliki oleh sultan. Setiap pembesar mempunyai autoriti yang penuh terhadap kawasan jajahan masing-masing

namun, masih perlu perkenan daripada Sultan Brunei untuk melakukan sesuatu tindakan yang melibatkan pelaksanaan undang-undang (D.E Brown, 1970:170).

Pada dasarnya, sepanjang pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara tidak wujud sebarang bentuk konsep negeri di wilayah tersebut. Hal ini demikian kerana semenjak abad ke-16 lagi sistem pentadbiran di Borneo Utara terpisah-pisah sehingga membentuk tiga zon pentadbiran, iaitu pentadbiran berasaskan Kesukuan, Kesultanan serta sistem pentadbiran Ketua Bebas (D.S Ranjit Singh, 2003:7). Secara tradisinya, tidak pernah wujud tiga pentadbir dalam satu wilayah namun, yang menariknya keadaan ini berlaku dalam pentadbiran Borneo Utara. Kesulitan utama dalam menjalankan pemerintahan di Borneo Utara ialah masalah kebebasan masyarakat peribumi yang gemar keluar masuk dari satu kawasan ke kawasan yang lain sehingga menyukarkan pentadbir mengklasifikasikan penduduk yang berada di bawah naungannya. Hal ini terjadi berikutan ketidakjelasan sempadan di antara ketiga-tiga zon pentadbiran tersebut. Secara asasnya, Sultan Brunei telah meletakkan kedaulatan bagi empayarnya pada wilayah tanah jajahan dan keseluruhan penduduknya kecuali tanah-tanah yang dimiliki oleh golongan pembesar dan pengikutnya (Sabihah Osman, 1985:15). Selain itu, Kesultanan Brunei juga tidak perlu membuat pengawalan secara langsung ke atas wilayah di Borneo Utara kerana lazimnya pemilik wilayah tulin di Borneo Utara tidak perlu berada di wilayah jajahan masing-masing dan mereka akan meminta bantuan daripada wakil-wakil sultan atau pembesar, sama ada didatangkan dari negara Brunei atau masyarakat peribumi yang sudah sedia menetap lama di Borneo Utara. Oleh itu, secara praktikalnya sememangnya agak mudah untuk Kesultanan Brunei melaksanakan pentadbirannya di Borneo Utara dengan hanya menjalankan pembahagian wilayah namun, dari segi pelaksanaannya sistem ini mempunyai banyak kelemahan. Hal ini demikian kerana golongan pembesar yang memiliki hak tulin ke atas tanah jajahan Brunei boleh mempunyai lebih banyak kuasa autoriti dalam pentadbiran wilayahnya sehingga mampu untuk menyaingi kedudukan Sultan Brunei yang lemah (D.S Ranjit Singh, 2003:69).

Keunikan empayar Kesultanan Brunei ini juga boleh dilihat apabila sepanjang era kesultanan di Kepulauan Borneo, persengketaan mengenai persempadanan jarang berlaku di antara Kesultanan Brunei, Kesultanan Sulu dan kesultanan-kesultanan lain di Kepulauan Borneo. Hal ini demikian kerana setiap kesultanan yang ada di Kepulauan Borneo tersebut menganggap kekuasaan ke atas masyarakat dilambangkan melalui sistem pajak dan ufti berbanding kekuasaan ke atas tanah. Sempadan di antara wilayah sememangnya telah wujud tetapi tidak jelas kerana hanya ditandai oleh unsur alam yang dianggap kurang signifikan untuk diperbahalkan (Eko Prayitno Joko, 2014:19). Selain itu, kekuasaan Kesultanan Brunei tidak pernah dicabar atau diserang oleh mana-

mana Kesultanan di Borneo khususnya Kesultanan Sulu serta kuasa Melayu lain di Nusantara. Keadaan ini berlaku kerana kesemua Kesultanan di Borneo mempunyai perkaitan kekeluargaan dengan Kesultanan Brunei termasuklah Filipina, Jawa, Sumatera dan Tanah Melayu (Aripin Said, 2012:17-18; Rafidah Abdullah, 2012:140-142). Kesultanan Sulu juga bukan sahaja tidak pernah menyerang atau menawan mana-mana wilayah tulen Brunei, bahkan juga tidak pernah menakluk atau menjajah wilayah di Kepulauan Borneo. Sebaliknya, Kesultanan Brunei telah menakluki keseluruhan Kepulauan Borneo sehingga galah ke selatan Filipina. Kekuatan dan pengaruh yang ada pada Kesultanan Brunei menyebabkan tidak ada satu wilayah tulen pun berani untuk membebaskan diri dari Kesultanan Brunei.

Sepanjang tempoh pentadbiran Kesultanan Brunei di Borneo Utara, peranan dan sumbangan masyarakat peribumi khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei ini sangat besar terutamanya dalam membantu mengukuhkan pengaruh dan kekuasaan Kesultanan Brunei di wilayah jajahannya. Dalam hal ini, kebanyakan masyarakat Melayu Brunei diberikan banyak keistimewaan dalam pembayaran cukai seperti cukai yang rendah, kebebasan untuk berdagang dan kehidupan yang bebas dalam wilayah Kesultanan Brunei. Kadang kala, para pembesar juga mengecualikan masyarakat Melayu Brunei untuk membayar cukai kerana wujud hubungan kekeluargaan di antara mereka (Ampuan Mumin, Komunikasi Peribadi, 24 April 2010). Ketaatan masyarakat Melayu Brunei terhadap sultan dan para pembesar Brunei sememangnya tidak dapat dipertikaikan. Hal ini terbukti apabila mereka ini sanggup berulang-alik dari Borneo Utara ke Brunei semata-mata hanya untuk memberikan bekalan barang dagangan kepada para pembesar yang berada di negara Brunei. Kejayaan pentadbiran Kesultanan Brunei di Borneo Utara juga banyak dibantu oleh kegiatan ekonomi dan sosial yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei dalam wilayah jajahannya. Biarpun lazimnya masyarakat ini begitu sinonim dengan aktiviti pelayaran namun, di Borneo Utara mereka menjadi pedagang yang lebih aktif. Kekuasaan dan pengaruh mereka terbina melalui aktiviti perdagangan dengan masyarakat lain di Borneo Utara. Hal ini demikian kerana pedagang-pedagang Melayu Brunei terkenal dengan kekayaan memiliki modal dan kapal layar yang besar, barang dagangan mewah serta mempunyai ramai pengikut berbanding dengan pedagang-pedagang lain. Oleh kerana itu, masyarakat ini bukan sahaja terkenal, malah mereka mudah melakukan pendominasian terhadap aktiviti ekonomi dan sosial di Borneo Utara. Apabila masyarakat ini bermigrasi ke Borneo Utara masyarakat ini mula membina penempatan di sepanjang pesisiran pantai dan hilir sungai yang membolehkan mereka mengawal lalu lintas ke kawasan pedalaman. Keadaan ini telah menjadikan masyarakat ini sebagai orang tengah di antara kaum peribumi di pedalaman dengan dunia luar (Dg. Junaidah & Baszley Bee, 2021:40).

Selain itu, golongan bangsawan masyarakat Melayu Brunei yang kaya dan berpengaruh di Borneo Utara juga turut mengamalkan amalan perhambaan. Sistem perhambaan yang diamalkan di Borneo Utara adalah sama seperti mana sistem perhambaan yang dilaksanakan di negara Brunei. Kebanyakan hamba ini terdiri daripada orang tawanan perang dan orang yang diculik. Hamba yang menjadi tawanan perang dan diculik dari kawasan pedalaman ialah kaum Kedayan dan Bajau. Kebanyakan hamba ini dimiliki oleh golongan Ampuan dan Pengiran. Terdapat juga konsep hamba yang dikenali sebagai hamba ber hutang. Seseorang itu akan dikategorikan sebagai hamba ber hutang apabila hutangnya itu tidak dapat dijelaskan. Hal yang sama juga turut diperakui oleh D.E Brown yang menyatakan bahawa masyarakat tradisi Brunei mengamalkan sistem perhambaan yang terdiri daripada orang tawanan perang atau diculik dari kawasan pedalaman. Sistem perhambaan ini hanya diharamkan selepas BNBC mengambil-alih Borneo Utara (D.E Brown, 1970:89; Owen Rutter, 1986:45). Sepanjang era pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara ini, golongan bangsawan Melayu Brunei yang terdiri dalam kalangan pembesar telah menguasai aktiviti perdagangan di seluruh empayar Brunei dari abad ke-16 hingga abad ke-19. Penguasaan dan kejayaan pemerintahan Kesultanan Brunei di Borneo Utara ini juga memberikan gambaran tentang kebergantungan Sultan Brunei terhadap peranan dan tugas besar yang mentadbir wilayah jajahannya sama ada secara langsung atau tidak langsung di Borneo Utara.

## Kesimpulan

Perkembangan politik pentadbiran Kesultanan Brunei berkait rapat dengan keberkesanan corak pentadbiran Kesultanan Brunei di wilayah-wilayah jajahannya. Biarpun perluasan kuasa yang dilakukan oleh Kesultanan Brunei ini berlaku pada ketika politik dalaman negara sedang bergolak dengan pelbagai konflik dan perebutan takhta namun, Kesultanan Brunei tetap berjaya mempertahankan empayar monarkinya melalui hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Secara dasarnya, terdapat dua perkara yang menjadi pencetus kepada kemerosotan empayar Brunei pada akhir abad ke-19, iaitu konflik dalaman istana yang berterusan dan kelemahan kawalan pentadbiran Kesultanan Brunei di wilayah jajahannya. Dalam konteks politik pentadbiran Kesultanan Brunei, elemen paling penting yang dikaitkan dengan pemerintahan Kesultanan Brunei ialah terbentuknya struktur pentadbiran yang teratur di peringkat pusat dan wilayah jajahan. Situasi ini memberi gambaran tentang wujudnya susunan pentadbiran yang sistematik dilengkapi dengan pembahagian jawatan berdasarkan kedudukan serta tanggungjawab di setiap peringkat pembesar. Dalam hal ini, Kesultanan Brunei dilihat berjaya mengukuhkan dan melicinkan lagi pemerintahannya di Borneo Utara. Namun begitu, di sebalik penguasaan dan kejayaan pentadbiran Kesultanan Brunei

di Borneo Utara, wujud kebergantungan Sultan Brunei terhadap peranan pembesar yang ditugaskan untuk mentadbir wilayah jajahannya menyebabkan para pembesar mentadbir di luar bidang kuasa mereka seperti mengenakan cukai yang tinggi kepada penduduk. Keadaan ini secara tidak langsung telah membawa kepada kemerosotan yang berterusan terhadap pentadbiran Kesultanan Brunei di Borneo Utara.

## **Senarai Rujukan**

### **Buku dan Jurnal**

- Abd. Karim bin Hj. Abd Rahman. (2008). Keruntuhan Empayar Brunei KM 19: Satu Kajian dari Sudut Ekonomi. Brunei Darussalam: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Abdul Latif Ibrahim. (1999). Peperangan di Brunei: Suatu Perspektif Sejarah dan Implikasinya, Masa Silam Sarana Masa Depan. Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah II, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah
- Aripin Said. (2012). Panglima Gajah Tunggal, Dato Setia Raja Tok Jebek bin Tok Akil: Geneologi keluarga dengan Pengiran Bagauddin. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Asri bin Haji Puteh (Peny.). (2003). Hukum kanun. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam.
- Awang Asbol bin Mail. (2011). Kesultanan Melayu Brunei Abad Ke-19 Politik dan Struktur Pentadbiran. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Othman bin Haji Mat Don. (2010). Brunei KM XVII-XIX: Satu Analisa Mengenai Sejarah Kemerosotannya. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Bala Bilcher, Baszley Bee bin Basrah Bee & Jakarta Dasan. (2008). Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah (Siri II). Kota Kinabalu: Utusan Borneo.
- Bala, Bilcher. (2005). Thalassocracy: A History of the Medieval Sultanate of Brunei. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Barring Goulds & Bampylde, C.A. (2007). A History of Sarawak: Under its two White Rajah's 1839-1908. Kuala Lumpur: Synergy Media.
- Baszley Bee B. Basrah Bee & Bilcher Bala. (2004). Pulau Balambangan 1521-1805, MANU IX Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Brown, C.C. (1970). An Early Account of Brunei by Sung Lien. *BMJ*, 2 (4), 222.
- Brown, D.E. (1970). Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate. Monograph of the Brunei Museum Journal.
- Brown, D.E. (1974). Spanish Accounts of Their Expeditions Against Brunei in 1578-1579. *BMJ*, 3(2), 180-221.
- Burbank, J., & Frederick, C. (2010). Empires in World History: Power and the Politics of Difference. Princeton and Oxford: Princeton University Press.
- Caroll, S.J. (1986). Francisco de Sande's Invasion of Brunei 1578: An Anonymous Spanish Account. *BMJ*, 6 (2), 47-71.
- Carroll, S.J. (1982). Berunai in the Boxer Codex. *JMBRAS*, LV. (2), 1-3.
- Dg. Junaidah binti Awang Jambol & Baszley Bee bin Basrah Bee. (2021). Perubahan tradisi penempatan masyarakat Melayu Brunei di kawasan pantai barat Borneo Utara: Impak terhadap sosioekonomi (1881-1941). *MJSSH*, 6 (1), 38-50.

- Dg. Junaidah binti Awang Jambol. (2018). Sejarah Hubungan Tradisi Brunei Dengan Borneo Utara: Tinjauan Terhadap Faktor Kemerosotan Pentadbiran Kesultanan Brunei Pada Abad Ke-19. *Jurnal Borneo Arkailogia*, 3(2), 105-131.
- Eko Prayitno Joko. (2014). Isu pemilikan wilayah pantai timur Sabah: Satu penelusuran daripada sudut sumber sejarah. *Jurnal Kinabalu* 20.
- Leys, P. (1968). Observations on the Brunei political system 1883-1885. *JMBRAS*, XI (2), 119-121.
- Mohd Jamil Al-Sufri. (2005). Rampai Sejarah, Meniti Sejarah Silam, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd. Jamil Al-Sufri. (2002). Tarsilah Brunei II, Zaman Kegemilangan dan Kemasyuran. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mundy, Rodney. (1848). Narrative of Events in Borneo and Celebes, Down to Occupation of Labuan from the Journals of James Brooke ESQ, Together with A Narrative of the Operation of H.M Iris. Vol II. London: John Murray Albemarle Street.
- Nararossa Peter Ballak & Mohd Samsudin. (2015). Persaingan dan Pertapakan Kuasa-Kuasa Eropah di Kepulauan Borneo Menjelang abad ke-18. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nicholl, R. (1990). European Sources for The History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century. Bandar Seri Begawan: Muzium Brunei.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2001). Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pigafetta, A., & Maximilianus, T. (1969). First Voyage Around the World and the Moluccis Insulis. Manila: Filipiniana Book Guild.
- Raffles, T.S. (1830). *The History of Java*, Vol. 2. Singapore: Oxford University Press.
- Rafidah binti Abdullah. (2012). Sejarah Pengiran Bagauddin di Pahang dan Hubungannya dengan Brunei, Sabah dan Sarawak. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Brunei Darussalam: Pusat Sejarah Brunei.
- Rutter, Owen. (1986). The Pirate Wind Tales of the Sea-Robbers of Malaya. Singapore: Oxford University Press.
- Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Hakip. (2001). Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saunders, G. (1994). A History of Brunei. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Singh, D.S.R. (1981). The Evolution and Development of Indigenous Native Political Institutions and Authorities 1877-1946. Sabah State Government: Centenary Publications Committee.
- Singh, D.S.R. (1991). Brunei 1839-1983. The Problems of Political Survival. Oxford University: Singapore.
- Singh, D.S.R. (2003). The Making of Sabah 1865-1941 the Dynamics of Indigenous Society. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Siti Aidah Hj. Lokin. (2007). Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963). Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- St. John, S. (1974). Life in the Forests of the Far East. Vol. I. Singapore: Oxford University Press.
- Sweeney, P.L.A. (1968). Silsilah Raja-Raja Berunai. *JMBRAS*, Vol. XLI, (2), 1-82.
- Tarling, N. (1971). Britain, the Brookes & Brunei. London: Oxford University Press.
- Treacher W.H. (1891). British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo. *JMBRAS*, PT: 20.
- Treacher, W.H. (1891). British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan and North Borneo. *JMBRAS*, 20(2), 95-96.

- Wake, C.H. (1975). Raffles and the Rajahs: The Founding of Singapore in Malayan and British Colonial History. *JMBRAS*, 48 (I), 51-72.
- Whelan, F. G. (1970). *A History of Sabah*. Singapore: Heinemann Educational Books.
- Wright, L. R. (1970). *The Origins of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Wu, Z. Y. (2010). *BRUNEI dalam sejarah China*. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan: Pusat Sejarah Brunei.

**Responden**

Ampuan Mumin bin Ampuan Tuah. 97 tahun. Kampung Benoni, Papar. 24 April 2010.